

Tanah lembut perlu R&D yang proaktif

Posted on September 19, 2013, Thursday

KUCHING: Agensi dan badanbadan yang berkaitan termasuk jurutera perlu lebih proaktif dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) khususnya dalam isu berkaitan tanah lembut.

Menteri Kerja Raya Datuk Fadillah Yusof berkata ia bagi memastikan jalan dan bangunan lebih berkualiti dalam menghadapi aduan awam serta masalah tanah lembut di negara ini.

“Di Sarawak tanah bermasalah merangkumi 72 peratus daripada kawasan tanah yang ada meskipun tanah bermasalah didapati berlaku di Semenanjung Malaysia, namun liputan dari segi peratusan jumlah keluasan tanah adalah jauh lebih kecil.

“Sebagai contoh, tanah gambut juga boleh didapati di Johor.

Di Sarawak tanah gambut tropika dianggarkan 13 peratus daripada jumlah kawasan tanah yang mana adalah bersamaan dengan 1.6 juta hektar,” katanya.

Tambah Fadillah, membina jalan raya di atas tanah lembut sentiasa menjadi satu cabaran terutama di Sarawak namun bagi jurutera tanah lembut bermasalah jika dapat dielakkan akan menjadi (pembinaan) ideal.

Tambahnya, pada masa kini, 437,000 hektar tanah gambut yang sebelum ini terbiar telah ditanam dengan kelapa sawit di negeri ini.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis makan malam sempena Persidangan Antarabangsa Jurutera Mengenai Tanah Lembut 2013 (SEIC'13) anjuran Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) di sini, malam kelmarin.

Bagaimanapun kata Ahli Parlimen Petra Jaya itu, dengan kekurangan tanah untuk perumahan dan pembangunan infrastruktur terutama di kawasan bandar, jurutera kini mendapati mereka terpaksa berurusan dengan tanah bermasalah.

“Kita tahu, kos sudah pasti menjadi kebimbangan, jurutera mahu menggantikan tanah lembut dengan bahan-bahan yang lebih baik atau menjalankan kerja rawatan tanah dan lain-lain.

“Memandangkan kos yang terlibat tinggi dalam perkara ini, penyelidik khususnya yang mengamalkan jurutera geoteknikal dan profesional (termasuk mereka dalam bidang lain) perlu bekerjasama mencari penyelesaian yang lebih kos efektif dalam berurusan dengan tanah seperti ini,” katanya.

Sehubungan itu Fadillah memberitahu, dengan mengadakan persidangan seperti SEIC itu ia akan mengukuhkan perkongsian pengetahuan dan pengalaman dalam bidang berkenaan.

Katanya mungkin sudah tiba masanya untuk menubuhkan pusat penyelidikan tanah lembut khusus di Sarawak.

“Dengan ini saya menggesa supaya adanya R&D lebih agresif dijalankan untuk melihat ke dalam standard penyelesaian antarabangsa, berkongsi pengetahuan, pengalaman dan idea-idea daripada universiti kita, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan agensi berkaitan,” katanya.

SEIC'13 yang dianjurkan bermula 17 hingga 19 September anjuran UTHM itu turut mendapat kerjasama daripada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan, JKR dan banyak lagi.

Persidangan yang disertai 220 peserta daripada sembilan negara itu turut dihadiri Pengarah Kerja Raya Sarawak Zuraimi Sabki dan Naib Canselor UTHM Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin.

Read more:

<http://www.theborneopost.com/2013/09/19/tanah-lembut-perlu-rd-yang-proaktif/#ixzz2flz4YWA>